

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]**

SOALAN :

**YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

- (a) langkah Kerajaan untuk melebarkan lagi penubuhan Skuad Jejak Asnaf di negeri-negeri selain di Wilayah Persekutuan yang telah pun diwujudkan skuad ini bagi menjejaki para asnaf; dan
- (b) usaha Majlis Agama atau Baitulmal di peringkat negeri untuk mengadakan kerjasama dengan Ahli Parlimen kawasan-kawasan terlibat bagi memanfaatkan kewujudan Skuad Jejak Asnaf seperti yang dilakukan oleh Baitulmal MAIWP.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Penubuhan Skuad Jejak Asnaf Baitulmal MAIWP di Wilayah Persekutuan merupakan salah satu usaha yang diambil bagi mengurangkan masalah keciciran bantuan di kalangan asnaf. Sejak ditubuhkan pada tahun 2012, seramai 2,348 asnaf telah berjaya dijejaki.

Mengenai cadangan penubuhan Skwad Jejak Asnaf di negeri-negeri lain, ia perlu dirujuk kepada pihak berkuasa agama negeri. Ini kerana di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, hal-ehwal Agama Islam termasuklah urusan zakat terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh itu, sebarang cadangan mengenai mekanisme agihan zakat adalah di bawah pertimbangan pihak berkuasa agama negeri dan Ahli Yang Berhormat bolehlah mengusulkan atau mencadangkan perkara ini kepada pihak Kerajaan Negeri termasuk melalui Dewan Undangan Negeri masing-masing.

- b) Berhubung kerjasama Majlis Agama atau Baitulmal di peringkat negeri dengan Ahli Parlimen kawasan-kawasan terlibat, ia juga hendaklah dirujuk kepada pihak berkuasa agama negeri masing-masing sebagaimana bidang kuasa yang jelas di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Dalam konteks ini, di Wilayah Persekutuan, selain hubungan dan kerjasama baik berterusan dengan Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil penduduk, MAIWP juga turut menubuhkan Pusat Agihan Zakat (PAZA) mengikut kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan. Melalui kaedah ini, orang ramai lebih mudah untuk berurusan dengan Baitulmal MAIWP khususnya golongan asnaf yang hanya perlu hadir ke PAZA yang berdekatan dengan tempat tinggal mereka.

Sekian, terima kasih.